

22/03/2003

Rakyat Malaysia diingat tidak ikut perasaan marah

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Rakyat Malaysia, terutama umat Islam diingatkan supaya tidak bertindak mengikut emosi dan melepaskan kemarahan terhadap warga asing, khususnya dari barat dan kepentingan mereka di negara ini, berikutan serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Imam Besar Masjid Putrajaya, Datuk Syaikh Ismail Muhammad, berkata adalah menjadi tanggungjawab umat Islam menjaga keselamatan warga asing kerana sebahagian besar warga terbabit turut membantah serangan itu.

Katanya, umat Islam mesti sentiasa bertindak mengikut lunas undang-undang dan ajaran Islam yang menetapkan jika berlaku peperangan, tentera dilarang memusnahkan harta benda, tanaman dan ternakan selain memberi perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak.

"Jika orang yang berperang dan memegang senjata terikat dengan adat dan

etika, maka tentulah wajar orang yang tidak terbabit dalam peperangan seperti kita di Malaysia yang aman ini, bertanggungjawab mengawal keselamatan warga asing.

"Begitu juga dengan lain-lain kepentingan perniagaan kerana langkah itu (bertindak balas) tidak akan membawa apa-apa faedah, selain memburukkan keadaan.

"Kita patut mengambil berat peringatan pemimpin bahawa kita bukan bermusuhan dengan rakyat Amerika atau mana-mana rakyat negara sekutunya, tetapi jelas kita menentang dasar mereka yang zalim ke atas negara lemah.

"Pada hakikatnya, inilah sebaik-baik jihad kerana kita mampu bersuara,"

katanya dalam khutbah Jumaat di Masjid Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang bercuti turut menunaikan solat Jumaat dan hajat untuk kesejahteraan umat Islam di masjid berkenaan.

Hadir sama, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaluddin Jarjis.

Dalam khutbah itu, Syaikh Ismail turut menyelar tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya yang menyerang Iraq tanpa belas kasihan walaupun mereka tidak mendapat mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kuasa Amerika terus menerus melakukan kezaliman dan ketidakadilan. Langkah primitif ini dikutuk oleh pelbagai pihak termasuk banyak negara maju di barat bahkan ditentang oleh rakyatnya sendiri," katanya.

Beliau turut sedih dengan tindakan beberapa negara Arab yang bersekongkol dengan Amerika Syarikat dengan membenarkan tentera bersekutu

menggunakan pangkalan tentera di negara masing-masing.

Katanya, perkara itu membuktikan kelemahan negara Islam sendiri yang bergantung kepada pihak lain.

"Ini berlaku kerana mereka dipermainkan dan diperbodohkan akibat dihasut

supaya bermusuhan sesama sendiri. Kita patut menjadikan iktibar supaya umat

Islam di Malaysia sentiasa bersatu pada waktu senang atau susah kerana kekuatan kita yang sebenar ialah perpaduan dalaman di kalangan rakyat.

"Jika kita berpecah belah, banyak pihak akan menanguk di air keruh dan

semakin berani mengancam kita. Sebaliknya, jika kita bersatu hati, kita akan dihormati oleh rakan dan digeruni oleh musuh," katanya.